



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT
PEHIN ORANG KAYA PEKERMA LAILA DIRAJA
DATO PADUKA AWANG HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA, DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SEMINAR DAN BENGKEL KEMAHIRAN ADVOKASI DAN
PEMBENTUKAN STRATEGI SAMBUTAN HARI WANITA ASEAN BAGI
TAHUN 2011**

**HARI SELASA, 03 SYA'ABAN 1432 BERSAMAAN 05 JULAI 2011
JAM 8.30 PAGI**

**BERTEMPAT
CEASER GRAND HALL, ORCHID GARDEN HOTEL
ANGGEREK DESA**

Please Check Against Delivery

Bismillahir Rahmanir Rahim

**Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Mursalin Syidina Muhammadin
Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajmain**

Yang Mulia

Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam bte Pengiran Haji Matarsat

Yang Dipertua Majlis Wanita Brunei Darussalam, selaku Pengerusi Majlis

Yang Mulia, Datin Hajah Adina bte Haji Othman

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia, Dato Paduka Awang Haji Abd Hamid bin Haji Mohd Jaafar

Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan

Yang Mulia Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato
Paduka Haji Hashim, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian
Kebudayaan Belia dan Sukan

Yang Mulia

Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan

Peserta-peserta Seminar

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya jua kita dapat berkumpul di Majlis yang berkebajikan pada pagi ini iaitu **Majlis Perasmian Seminar dan Bengkel Kemahiran Advokasi dan Pembentukan Strategi sempena sambutan Hari Wanita ASEAN bagi tahun 2011.**

Terlebih dahulu sukacita saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Majlis Wanita Brunei Darussalam kerana menjemput saya hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Seminar dan Bengkel pada pagi ini. Dalam kesempatan ini juga saya sukacita mengucapkan tahniah kepada Majlis Wanita kerana berjaya menganjurkan seminar seperti ini yang amat bermanfaat untuk kesejahteraan dan kemajuan kaum wanita di negara ini .

Saya telah difahamkan bahawa seminar ini antara lain bertujuan untuk membentuk mekanisma dan strategi advokasi untuk masyarakat sivil, terutamanya perkumpulan-perkumpulan wanita bagi meneruskan penglibatan mereka dengan badan-badan ASEAN dengan mengutamakan isu hak-hak asasi dan keperihatinan wanita.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Isu mengenai hak dan kepentingan wanita seluruh dunia kini semakin diberi perhatian disebabkan situasi mereka yang semakin terdedah (vulnerable) akibat perubahan yang dialami oleh dunia dalam beberapa dekad kebelakangan ini.

Mengikut laporan daripada UN Women, 70 peratus daripada golongan miskin di dunia ini adalah terdiri daripada wanita. Laporan daripada UNICEF juga menunjukkan bahawa:-

- 2/3 daripada mereka yang dijangkiti penyakit HIV AIDs adalah wanita,
- 2/3 daripada 110 juta kanak-kanak yang tidak bersekolah adalah kanak-kanak perempuan,
- 2/3 daripada 875 juta yang buta huruf adalah golongan wanita.

Selain daripada itu, statistik juga menunjukkan bahawa:

- setiap seorang daripada 3 orang wanita merupakan mangsa kepada berbagai-bagai bentuk keganasan
- kira-kira 500 ribu orang wanita yang berumur dibawah 18 tahun pada setiap tahun menjadi mangsa penyeludupan dan perdagangan manusia

- Kira-kira 1,400 orang wanita meninggal dunia pada setiap hari akibat komplikasi kesihatan yang berkaitan dengan kehamilan
- Lebih dari 80% daripada 35 juta orang perlarian (refugees) adalah terdiri daripada golongan wanita dan kanak-kanak

Menyedari akan situasi ini, berbagai-bagai langkah telah diambil oleh pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa bagi memperbaiki keadaan ini. Melalui persidangan mereka meminta negara-negara ahli mengambil tindakan bagi membaiki situasi dan seterusnya meningkatkan kedudukan wanita di negara masing-masing. Kearah ini beberapa instrumen termasuk konvensyen, deklarasi, resolusi dan pelan-pelan tindakan telah dirangka dan diperkenalkan bagi mengukuhkan komitmen Negara-negara ahli untuk mengambil tindakan yang sewajarnya bagi melindungi hak-hak dan kesejahteraan wanita.

Sebagai komitmen dan sokongan terhadap usaha-usaha antarabangsa bagi melindungi hak wanita, Negara Brunei Darussalam telah pun manandatangani dan menjadi ahli kepada Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women pada 24 Mei 2006. Selain daripada itu Negara kita juga telah menandatangani beberapa instrumen yang berkaitan dengan kemajuan wanita, di antaranya ialah The Commonwealth Plan of Action on Gender and Development, Beijing Declaration and Platform of Action, Declaration on the Advancement of Women in the ASEAN Region, ASEAN Declaration on the Elimination of Violence against Women in the ASEAN Region, ASEAN Declaration against Trafficking in Persons particularly Women and Children, Joint

Declaration on the Attainment of the Millennium Development Goals (MDGs) in ASEAN dan Declaration on the Intergovernmental Commission on Human Rights.

Negara kita juga telah melantik dua orang pesuruhjaya sebagai ahli kepada “ASEAN Commission on Promotion and Protection of the Rights of Women and Children’, yang merupakan satu badan yang bertanggungjawab dalam mempromosi dan melindungi hak wanita dan kanak-kanak di rantau ASEAN.

Di Negara Brunei Darussalam, alhamdulillah kita amat bersyukur kerana pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberi perhatian yang berat akan kebajikan dan kesejahteraan kaum wanita dinegara ini. Perhatian yang khusus juga diberikan kearah memperkasa sumbangan kaum wanita dalam pembangunan masyarakat dan Negara. Ini adalah selaras dengan Wawasan Brunei Darussalam 2035 yang menekankan pentingnya kaum wanita diberi peluang yang sama dalam semua aspek kehidupan termasuk perkerjaan dan pembangunan negara.

Kesungguhan pihak kerajaan untuk memperkasa, melindungi hak serta meningkatkan kemajuan wanita di negara ini amat jelas dengan tertubuhnya satu Jawatankuasa Khas Isu Wanita dan Institusi Keluarga yang antara lain bertanggungjawab dalam menyediakan dasar-dasar dan pelan tindakan bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan wanita dan keluarga. Pelan tindakan tersebut akan merupakan sebagai bueprint’ bagi mencapai

pembangunan dan kesejahteraan wanita dan keluarga di Negara ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pada keseluruhannya kaum wanita di Negara ini adalah sama dengan kaum lelaki menerima manfaat (benefits) daripada perkhidmatan kesihatan, pendidikan, perumahan, pekerjaan, perumahan dan peluang perniagaan. Disamping itu, pihak Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi melindungi kaum wanita daripada berbagai bentuk keganasan, penganiayaan dan eksploitasi dengan menyediakan undang-undang yang berasaskan kepada perundangan sivil dan syariah seperti Perintah Keluarga Islam 1999, Women and Girls Protection Act, Children and Young Persons Order 2006, Married Women Act 1999, Unlawful Carnal Knowledge Act, dan Trafficking and Smuggling of Persons Order 2004.

Yang jelasnya ialah langkah-langkah serta dasar-dasar dan perundangan di Negara ini pada dasarnya adalah “gender free” yang berasaskan kepada ajaran ajaran Islam, secara langsung telah meningkatkan kedudukan wanita di Negara ini.

Wanita di negara ini telah mencapai kemajuan yang amat menggalakan. Ini jelas terbukti dalam pencapaian wanita di dalam bidang pendidikan umpamanya, dimana kadar literasi di kalangan wanita telah meningkat daripada 73 peratus pada tahun 1981

kepada 91.5 peratus pada tahun 2001 dan terus meningkat kepada 95 peratus pada masakini.

Jumlah penuntut wanita di peringkat pendidikan tinggi juga semakin meningkat dan melebihi daripada penuntut lelaki yang mana 73 peratus daripada jumlah graduan Universiti Brunei Darussalam adalah terdiri daripada graduan wanita.

Pencapaian kaum wanita dalam bidang pendidikan telah membuka peluang kepada mereka untuk menceburkan diri dalam bidang pekerjaan. Jumlah wanita dalam tenaga kerja semakin meningkat daripada 20 peratus pada tahun 1971 kepada 56.7 peratus pada tahun 2008. Dalam perkhidmatan awam, 50.4 peratus daripada jumlah tenaga kerja adalah terdiri daripada wanita, dan mereka menjawat 20 peratus daripada keseluruhan jawatan di peringkat eksekutif.

Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam terus memberi peluang yang sama kepada kaum wanita untuk menceburkan diri dalam bidang perkerjaan dengan mengubah skim perkhidmatan sebulan kesebulan bagi kakitangan wanita dalam bahagian III kebawah yang sudah berumahtangga, kepada perkhidmatan secara tetap. Perkembangan yang terbaru ialah cuti bersalin bagi pegawai dan kakitangan wanita dinaikan daripada 56 hari kepada 105 hari mulai 1 Januari 2011.

Dari segi kesihatan pula, petunjuk bagi wanita adalah setanding dengan kedudukan wanita di negara yang membangun. Mengikut perangkaan pada tahun 2009, jangka hayat bagi wanita lebih tinggi dari lelaki iaitu 78.3 tahun berbanding dengan 77.1 tahun bagi lelaki. Kadar kematian sewaktu melahirkan adalah 0 dalam 100,000 kelahiran.

Kaum wanita dinegara ini juga telah mencapai kemajuan dalam bidang perniagaan dimana sebilangan besar perusahaan kecil dan sederhana dimiliki oleh kaum wanita. Sebilangan besar daripada penerima skim mikro kredit bagi memulakan perniagaan juga adalah terdiri daripada kaum wanita.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Dalam usaha untuk meningkatkan kemajuan dan pembangunan wanita, kita tidak harus lupa akan peranan utama dan hakiki wanita iaitu menjaga kesejahteraan keluarga. Bagi wanita yang juga merupakan seorang ibu, isteri dan pekerja, pengorbanan yang dituntut adalah besar. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa seorang wanita berkeluarga tidak boleh lari daripada menjadi pengurus rumah tangga walaupun dia seorang yang berkerjaya atau seorang yang professional dalam bidangnya di luar rumah.

Cabaran yang dihadapi adalah untuk mencapai keseimbangan agar prestasi kerja tidak menjejaskan tanggungjawab wanita dalam keluarga. Justeru itu, untuk menunaikan pelbagai tanggungjawab dengan berkesan, seorang wanita perlukan pelbagai kemahiran dan kecekapan. Kaum wanita hendaklah bijak dalam menseimbangi diantara peranan mereka sebagai pekerja dan juga peranan mereka dalam keluarga.

Di samping itu, aspek-aspek moral dan kerohanian hendaklah diberi keutamaan kerana pembangunan dan kemajuan wanita yang hanya berasaskan ekonomi dan material tidak akan lengkap tanpa adanya pembangunan dari aspek moral dan kerohanian.

Nilai-nilai moral dan kerohanian adalah amat penting, memandangkan peranan tiga dalam satu (three in one) kaum wanita iaitu sebagai “isteri, ibu dan pekerja” merupakan unsur yang penting dalam membentuk masyarakat dan bangsa yang berkeperibadian tinggi. Apatah lagi dengan meningkatnya masalah sosial di kalangan remaja pada masa ini yang mana merupakan salah satu cabaran yang dihadapi dan harus ditangani dengan bijak oleh wanita selaku seorang isteri, ibu dan juga pekerja. Selain itu, nilai-nilai ini juga boleh menjamin kehormatan dan kedudukan wanita yang mulia dalam masyarakat.

Hadirin dan hadirat yang di hormati sekalian,

Pihak kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menyukong apa jua usaha yang telah diungkayahkan oleh badan-badan bukan Kerajaan seperti badan-badan korporat, pertubuhan-pertubuhan sukarela dan orang-orang perseorangan dalam usaha untuk meningkatkan kemajuan dan kesejahteraan masyarakat di negara ini. Oleh itu, saya sekali lagi sukacita merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Majlis Wanita kerana dapat mengungkayahkan Seminar Kemahiran Advokasi dan Pembentukan Strategi sempena Hari Wanita ASEAN 2011. Adalah diharapkan seminar dan bengkel ini nanti akan dapat meningkatkan kemahiran dan keupayaan peserta terutama sekali kemahiran dalam bidang advokasi, pembentukan strategi demi kesejahteraan kaum wanita di negara ini

Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Majlis Wanita atas usaha yang diungkayahkan selama ini dalam sama-sama berganding bahu dengan pihak Kerajaan dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan pembangunan masyarakat dinegara ini. Saya berharap abis kita akan dapat meneruskan projek yang berkebajikan ini dan semoga segala usaha Majlis ini akan memperolehi kejayaan serta mendapat keredhaan daripada Allah Subhanahu Wataala jua.

Sekian. Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.